

**RAGAM AYAT DALAM REFLEKSI PENGALAMAN BERASASKAN  
SEKOLAH (PBS) OLEH GURU PELATIH PISMP  
AMBILAN JANUARI 2009**

**Wong Shia Ho**  
Jabatan Pengajian Melayu

**ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk mengesan penggunaan ragam ayat yang betul oleh guru pelatih ketika menulis refleksi Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS). Objektif kajian adalah untuk mengesan kesilapan yang dilakukan dalam penulisan ragam ayat. Kajian ini melibatkan bahan penulisan 19 orang guru pelatih. Sebanyak 95 skrip penulisan refleksi responden dianalisis kandungannya. Kajian Ragam ayat yang dikaji ialah ayat aktif transitif dan frasa kerja pasif dengan kata ganti diri pertama, kedua dan ketiga. Hasil Kajian mendapati bahawa sebahagian besar daripada mereka telah melakukan kesilapan ketika menulis ragam ayat ini terutamanya ayat aktif transitif dan ayat pasif dengan kata ganti nama diri orang pertama, kedua dan ketiga. Kesalahan yang paling banyak dilakukan ialah kesilapan binaan ayat aktif transitif, kedua ialah kesilapan frasa kerja pasif dengan kata ganti nama diri ketiga yang kebanyakannya mengikut gaya penulisan frasa kerja pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua. Kesilapan guru pelatih ini telah dibetulkan dengan ulasan yang diberikan. Cadangan turut dikemukakan oleh pengkaji untuk meningkatkan pemahaman guru pelatih tentang penulisan ragam ayat yang betul.*

**Kata Kunci:** *Ragam ayat, ayat aktif transitif, ayat pasif dengan kata ganti nama pertama, kedua, ketiga*

## ABSTRACT

*This study aimed to investigate into the correct range of sentences used by trainee teachers during their school based experience. The objective of the study is to detect errors in the mode of writing verse. The study included literature 19 trainee teachers. The written reflections of a total of 95 respondents were analyzed. The study focused on active transitive sentences and passive verb phrases with the first, second and third person pronouns. The study revealed that most of the trainees made mistakes when writing sentences in transitive active sentences and passive sentences with personal pronouns of the first, second and third. The common errors made by the trainees were in the construction of active sentences. Secondly, errors in passive verb phrase using the third person pronouns were caused mainly by misuse of the first and second person pronouns. The researcher corrected the errors made by the trainees and gave comments. Several suggestions have been made by the researcher to improve trainee teachers' understanding on how to write correct sentence varieties.*

**Key words:** *range of sentences, active transitive sentences, passive sentences with the first, second and third person pronouns*

## PENGENALAN

Kesilapan penggunaan bahasa berlaku kepada sesiapa sahaja. Dalam konteks pendidikan kesilapan penggunaan bahasa ini berlaku kepada guru-guru praperkhidmatan, guru-guru permulaan, guru-guru yang telah berkhidmat sama ada yang mempunyai opsyen bahasa Melayu ataupun yang bukan opsyen bahasa Melayu. Sikap pengguna bahasa sering dikaitkan dengan kesilapan penggunaan bahasa. Menurut Abdul Hamid Mahmood (2002), banyak pelajar beranggapan bahawa bahasa Melayu itu mudah kerana bahasa itu ialah bahasa ibunda mereka. Mereka lupa dan tidak mengetahui bahawa bahasa Melayu yang digunakan seharian sebenarnya dialek Melayu yang banyak berbeza dengan bahasa Melayu baku. Selain itu pengaruh media massa juga menjadi penyebab hal ini berlaku sehingga timbullah keadaan yang dikatakan kesalahan, kesilapan dan kekeliruan bahasa.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Menurut Goh (1991), salah satu tujuan kefahaman tatabahasa yang penting adalah untuk peperiksaan kerana ada soalan-soalan yang khusus tentang tatabahasa diuji dalam peperiksaan. Walaupun setiap pelajar akan mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu bagi tempoh yang sama tetapi penguasaan tatabahasa bahasa Melayu mereka berbeza.

Koh (1989) telah menjalankan kajian tentang kesalahan ejaan dan tatabahasa bahasa Malaysia yang dilakukan oleh sekumpulan siswazah (154 orang) iaitu 80 orang siswazah telah memperoleh kelulusan dalam jurusan Pengajian Melayu dan 74 orang lagi mendapat prinsipal bagi mata pelajaran bahasa Malaysia dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Dapatan kajian menunjukkan kadar kekerapan kesalahan amat tinggi (kebanyakannya melebihi 60 peratus) memberikan pentafsiran yang agak membimbangkan tentang taraf penguasaan siswazah dalam ejaan dan tatabahasa bahasa Melayu.

Baskaran Nadeson (2000) telah melakukan kajian terhadap murid-murid Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil tentang kesalahan bahasa dalam karangan. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa murid-murid melakukan 572 kesalahan dalam aspek-aspek bahasa yang dikaji iaitu perbendaharaan kata, ejaan, imbuhan, struktur ayat dan tanda bacaan. Muhammed Salehuddin Aman (1993) dalam Abdul Hamid Mahmood & Inderbir Kaur (1995) juga menjalankan kajian tentang kesalahan tatabahasa dalam kalangan pelajar. Kajian beliau di dua buah Sekolah Menengah Agama di negeri Melaka yang melibatkan 150 orang pelajar tingkatan empat pula membuktikan bahawa kesalahan bahasa yang paling tinggi dalam kalangan pelajar di situ ialah kesalahan penggunaan .

Kamaruddin Hj. Husin (1986) dalam Baskaran Nadeson (2000) telah membuat kajian tentang penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru pelatih bukan Melayu di maktab-maktab perguruan di Kuala Lumpur. Setiap sampel dikendaki menulis dua karangan yang panjangnya lebih kurang 250 patah perkataan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih 70% daripada kesalahan yang dilakukan oleh mereka ialah kesalahan ejaan, penggunaan perkataan, struktur ayat dan frasa.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Penggunaan bahasa yang tidak tepat sering berlaku di mana-mana sahaja khususnya dalam penulisan. Penggunaan bahasa yang tidak tepat ini sudah tentu akan menjejaskan mutu penulisan dan makna yang hendak disampaikan oleh penulis. Masalah ini juga berlaku dalam penulisan

akademik sedangkan penulisan akademik begitu mementingkan fakta yang betul dan tepat. Jika masalah penggunaan bahasa ini berlaku dalam kalangan guru pelatih, sudah tentu masalah ini perlu dilihat sebagai serius dan langkah awal untuk menangani masalah ini perlu diambil supaya guru pelatih ini tidak mengajarkan sesuatu yang salah kepada murid-murid agar tidak dikatakan sebagai bunga kembang tak menjadi jika guru tersebut kepalang ajar. Salah satu kesilapan yang kerap berlaku ialah penggunaan ragam ayat terutamanya ayat aktif transitif dan ayat pasif yang melibatkan pelaku yang terdiri daripada kata ganti nama diri pertama dan kedua serta ketiga.

### **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap penguasaan penulisan ragam ayat yang betul dalam kalangan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang mengambil pengkhususan bahasa Melayu (BM). Hal ini penting kerana kumpulan inilah yang akan mengajarkan mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah. Oleh itu, mereka perlu diberikan perhatian agar mereka dapat menguasai ilmu tatabahasa yang betul sebelum mengajarkannya di sekolah nanti.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk mengesan penggunaan ragam ayat daripada guru pelatih yang mengambil major Bahasa Melayu apabila menghasilkan tulisan ilmiah mereka.

Objektif-objektif spesifik kajian ini adalah untuk mengenal pasti:

- (i) tahap penguasaan ayat aktif transitif dan frasa kerja pasif dengan kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga dalam penulisan oleh guru pelatih yang mempunyai pengkhususan bahasa Melayu,
- (ii) kesilapan yang dilakukan dalam penulisan ayat aktif transitif dalam kalangan guru pelatih yang mempunyai pengkhususan bahasa Melayu,
- (iii) kesilapan yang dilakukan dalam penulisan frasa kerja dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua oleh guru pelatih yang mempunyai pengkhususan bahasa Melayu,
- (iv) kesilapan yang dilakukan dalam penulisan frasa kerja dengan kata ganti nama diri ketiga oleh guru pelatih yang mempunyai pengkhususan bahasa Melayu.


## KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kepada pensyarah, guru dan guru pelatih itu sendiri tentang penggunaan ragam ayat yang betul.

- (i) Dapat mengetahui tahap penggunaan ragam ayat yang betul dalam kalangan guru pelatih PISMP BM yang memang diharapkan untuk memartabatkan bahasa Melayu di sekolah nanti.
- (ii) Membetulkan kesilapan penulisan ragam ayat yang kerap dilakukan oleh guru pelatih dalam penulisan ragam ayat dalam penulisan ilmiah mereka.
- (iii) Menjadi sumber rujukan yang lain khususnya pihak institut pendidikan guru bagi melaksanakan program-program yang berkaitan dengan pemantapan tatabahasa bahasa Melayu.


## KONSEP RAGAM AYAT

Menurut Nik Safiah Karim, Farid M. Osman, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood (1993), ragam ayat merupakan satu lagi perbezaan yang terdapat dalam binaan ayat pelbagai bahasa melibatkan kejadian ayat aktif dan ayat pasif. Dalam bidang sintaksis, kejadian ayat aktif dan pasif tergolong dalam huraian ragam ayat. Ayat aktif mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai judul. Ayat pasif mengutamakan subjek terbitan sebagai judul. Hubungan antara ayat aktif dengan ayat pasif umumnya melibatkan perpindahan tempat frasa nama yang menjadi subjek dan objek ayat berkenaan.



### Ayat Aktif

Ayat aktif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai judul atau unsur yang diterangkan. Ayat aktif terdiri daripada ayat transitif dan tak transitif.



Zainal Abidin Ahmad (Za'ba) (2000) pula mengistilahkan ayat aktif ini sebagai kejadian bangun membuat. Bangun membuat itu terjadi dengan memakai perbuatan yang tiada apa-apa di pangkalnya, atau yang bertambah 'me-' atau 'per-' di pangkalnya.

Contohnya: (1) *Kucing* menangkap tikus (Ayat aktif transitif)  
(2) Mereka bermain bola sepak (Ayat aktif Tak transitif)

### Ayat Aktif Transitif

Selain mengutamakan subjek asal sebagai judul, ayat aktif transitif ialah ayat yang mengandungi kata kerja transitif, iaitu yang diikuti oleh frasa nama atau klausa komplemen sebagai objek atau unsur penyambutnya. Za'ba (2000) menggunakan istilah perbuatan melampau untuk kata kerja transitif. Walau bagaimanapun, ayat aktif transitif yang bersifat ayat tunggal terbentuk hanya daripada ayat yang mengandungi frasa nama subjek asal sebagai judul dan frasa nama objek sebagai unsur penyambut kata kerjanya. Dalam ayat majmuk pula, ayat aktif transitif mengandungi klausa komplemen sebagai penyambut kata kerjanya.

Contohnya:

- (3) Emak *menjahit* baju (ayat tunggal)
- (4) Ibu bapa harus *mengawasi* anak-anak mereka (ayat tunggal)
- (5) Kami *mengetahui* bahawa Siti sudah berkahwin (ayat majmuk)
- (6) Pengetua *mengumumkan* bahawa esok cuti sekolah (ayat majmuk)

Perkataan yang ditulis condong merupakan kata kerja transitif manakala bahagian yang bergaris ialah objek atau penyambut kata kerjanya. Ada juga ayat aktif transitif yang mengandungi kata kerja yang boleh menerima dua objek sebagai penyambut. Objek yang menjadi penyambut secara langsung kepada kata kerja transitif disebut objek tepat, dan objek yang menjadi penyambut tak langsung kepada kata kerja disebut objek sipi.

Contoh:

Subjek	Predikat		
	Kata Kerja Aktif Transitif	Objek Tepat	Objek Sipi
(7) Abang	membelikan	ibu	sebuah rumah
(8) Baginda	menganugerahi	pahlawan itu	bintang kehormatan

Ayat (7) dan (8) di atas dapat diubah (seperti dalam 7a dan 8a) binaannya dengan objek tepat menerima kata sendi nama di hadapannya lalu

terbentuk frasa sendi nama yang bertugas sebagai frasa keterangan, manakala objek sipi menjadi objek tepat baharu.

Contoh:

Subjek		Predikat		
		Kata Kerja Aktif Transitif	Objek	Frasa Sendi Nama (Keterangan )
(7a)	Abang	membeli	sebuah rumah	untuk ibu
(8a)	Baginda	menganugerahkan	bintang kehormatan	kepada pahlawan itu

Ada lagi satu golongan ayat aktif transitif yang boleh digugurkan objeknya jika objeknya terdiri daripada orang pertama, sama ada berbentuk tunggal atau majmuk. Ayat yang demikian mengandungi kata kerja transitif yang memperoleh ciri adjektif iaitu kata kerja itu boleh menerima kata penguat. Lazimnya kata dasar bagi kata kerja ini ialah kata adjektif.

Contoh:

- (9) Kegagalannya amat menyedihkan *saya*.
- (10) Keputusan itu sungguh memeranjatkan *ibu bapanya*.

Objek 'saya' dan 'ibu bapanya' pada contoh ayat di atas boleh digugurkan.

### Ayat Pasif

Seperti yang telah diperkatakan bahawa ayat pasif mengutamakan subjek terbitan sebagai judul. Hubungan antara ayat aktif dengan ayat pasif umumnya melibatkan perpindahan tempat frasa nama yang menjadi subjek dan objek ayat berkenaan. Za'ba (2000) pula mengistilahkan ayat pasif sebagai kejadian 'bangun kena buat' dengan memakai penambah 'di-' atau 'perbuatan' kena' dahulu daripada perbuatan melampau itu dan pada pembuatnya (jika ada disebut kerap dilakukan perkataan' oleh').

Pada umumnya, ayat pasif dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada:

- (i) Ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif.
- (ii) Ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kata ganti nama diri kedua.
- (iii) Ayat pasif dengan perkataan kena yang hadir sebelum kata kerja.

Oleh sebab kajian ini bertujuan melihat cara penulisan ayat pasif dengan kata ganti nama diri pertama/pelaku pertama dan kata ganti nama diri orang kedua/pelaku kedua, maka (i) ayat pasif dengan imbuhan kata kerja pasif

dan (iii) ayat pasif dengan perkataan kena yang hadir sebelum kata kerja tidak akan dihuraikan dalam kajian ini.

### **Ayat Pasif dengan Kata Ganti Nama Diri Pertama dan Kedua**

Untuk ayat pasif bentuk ini, kata ganti nama diri diletakkan di hadapan kata kerja dasar. Hal ini demikian kerana kata ganti nama diri orang pertama dan kedua tidak boleh menerima kata dengan imbuhan pasif *di-*. Kata ganti nama diri orang pertama dan kedua yang hadir di hadapan kata kerja dasar itu boleh berbentuk kata penuh ataupun kata ringkas. Kata ganti diri yang berbentuk kata penuh adalah seperti saya, aku, engkau, awak, anda, kami dan kita. Bentuk kata ringkas ialah *ku* bagi aku, dan *kau* bagi engkau.

Contoh:

<b>Subjek</b>	<b>Frasa Kerja Pasif dengan Kata Ganti Nama Diri Pertama/ Kedua</b>	<b>Keterangan</b>
(11) Kerja itu	sudah saya selesaikan	Semalam
(12) Hutang itu	akan engkau jelaskan	Sepenuhnya
(13) Beban ini	akan kita tanggung	bersama-sama

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Sampel Kajian**

Kajian ini melibatkan 19 orang guru pelatih PISMP(BM) Ambilan Januari 2009. Mereka telah melalui Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) selama satu tahun setengah di institut ini. Ketika menjalani PBS selama seminggu di sekolah, mereka dikehendaki menulis refleksi untuk merekodkan pengalaman mereka setiap hari di sekolah berkenaan.

### **Bahan Kajian**

Bahan kajian ialah teks refleksi yang ditulis oleh guru pelatih PISMP (BM) semasa menjalani PBS. Setiap guru pelatih akan menghantar lima teks refleksi mereka kepada pengkaji. Teks ini merupakan pengalaman yang dilalui oleh mereka bagi setiap hari yang ditulis oleh guru pelatih itu sendiri. Pengkaji membaca kesemua teks tersebut dan merekodkan kesilapan yang dilakukan oleh guru pelatih tentang binaan ayat aktif transitif dan frasa kerja dengan kata ganti nama diri orang pertama dan kedua serta ketiga.

### **Analisis Data**

Kajian ini berdasarkan teks refleksi Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS) yang ditulis oleh guru pelatih pada setiap hari selama seminggu. Teks ini dibaca dan dianalisis oleh pengkaji. Sebanyak 19 orang guru pelatih terlibat



dalam kajian ini. Sebanyak 95 teks dibaca (setiap guru pelatih mempunyai 5 teks) untuk dianalisis. Pengkaji membaca kesemua teks yang ditulis oleh guru pelatih secara terperinci. Segala kesilapan yang berlaku direkodkan untuk dianalisis. Fokus pengkaji hanyalah tentang binaan ayat aktif transitif dan frasa kerja dengan kata ganti nama diri orang pertama dan kedua. Pengkaji juga turut mengkaji cara penulisan frasa kerja pasif dengan kata ganti nama diri ketiga. Kemudian, pengkaji menjumlahkan bilangan kesilapan yang dilakukan mengikut pembahagian yang telah ditetapkan.

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap Penguasaan Ayat Aktif Transitif dan Frasa Kerja Pasif dengan Kata Ganti Nama Diri Pertama, Kedua dan Ketiga

Setelah setiap refleksi dibaca dan dianalisis, kesilapan yang dilakukan oleh guru pelatih dapat direkodkan seperti dalam Jadual 1. Dengan berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa secara keseluruhannya terdapat 75 kesilapan yang dilakukan oleh guru pelatih semasa menggunakan ragam ayat dalam penulisan laporan refleksi. Daripada jumlah itu, sebanyak 50 kesilapan atau 66.7% adalah tentang kesilapan binaan ayat aktif transitif. Keadaan ini bermakna kesilapan penggunaan ayat aktif transitif adalah paling kerap dilakukan.

Jadual 1

Kesilapan yang dilakukan oleh setiap guru pelatih bagi ketiga-tiga aspek yang dikaji

Responden	Bilangan kesalahan		
	Binaan ayat aktif Transitif	Frasa Kerja Pasif dengan Kata Ganti Nama Diri Pertama/ Kedua	Frasa Kerja Pasif dengan Kata Ganti Nama Diri ketiga
1	1	0	0
2	3	2	0
3	2	0	1
4	4	2	0
5	9	0	0
6	2	0	2
7	0	0	3
8	0	0	3
9	1	0	0
10	0	0	3
11	1	0	1

12	1	0	0
13	1	1	1
14	4	0	0
15	3	0	2
16	3	0	2
17	11	0	1
18	1	0	1
19	2	0	0
Jumlah	50	5	20
Peratus	66.7	6.7	26.7

Tentang frasa kerja pasif dengan kata ganti nama diri pertama atau kedua, sebanyak 5 kesilapan atau 6.7% kesilapan dapat dikesan daripada 19 orang guru pelatih. Peratusan bagi kesilapan jenis ini adalah paling rendah. Sebanyak 20 kesilapan dapat dikesan daripada 19 orang guru pelatih dalam penggunaan frasa kerja pasif dengan kata ganti nama diri ketiga. Kesilapan yang dilakukan mencatatkan 26.7% iaitu yang kedua banyak berlaku.

#### **Kesilapan Penulisan Ayat Aktif Transitif**

Kesilapan yang dilakukan dalam penulisan ayat aktif transitif dalam kalangan guru pelatih dicatatkan dalam ayat yang bertanda (\*) berikut:

(14)*	Pihak sekolah dapat menerima baik sesiapa yang datang ke sekolah walau sibuk.
(15)*	Saya meneruskan dengan aktiviti mengambil gambar.
(16)*	Saya mengharapkan melalui cara ini akan lebih membuahkan hasil.
(17)*	Saya merasakan terdapat perubahan dalam diri.
(18)*	Saya telah memilih untuk menjalani PBS di sekolah tersebut.
(19)*	Saya memikirkan untuk mula menyusun semua maklumat.
(20)*	Guru besar telah menjangka akan kehadiran kami.
(21)*	Penolong Kanan menjelaskan dan menerangkan berkenaan maklumat guru.
(22)*	Saya telah memfokuskan berkaitan dengan persekitaran bilik darjah
(23)*	Kami mahu mengalami sendiri suasana di dalam kelas.
(24)*	Sekolah tersebut memberikan banyak pengalaman dan ilmu baharu kepada saya.
(25)*	SK kenyalang banyak membantu dari segi ilmu dan pengalaman.
(26)*	Kami berpeluang melihat sendiri aktiviti pengajaran dan pembelajaran daripada guru yang berpengalaman.
(27)*	Kami datang ke sekolah untuk meneruskan lagi tugas kami.
(28)*	Guru membimbing dengan penuh dedikasi dan tegas.
(29)*	Beliau menerangkan serba sedikit mengenai keadaan sekolah ini.
(30)*	Kami menerima dengan hati terbuka.
(31)*	Walaupun tanpa melihat kepada Rancangan Pengajaran Harian,

	Puan Julia berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik.
(32)*	Saya telah menemu bual terhadap beberapa orang guru.
(33)*	Pokok-pokok kecil mengindahkan lagi pemandangan sekolah.
(34)*	Kami berjumpa dengan guru besar untuk membincangkan tentang tugas yang perlu kami lakukan.
(35)*	Penolong Kanan menerangkan tentang murid yang akan menduduki peperiksaan.
(36)*	Guru mengajar tentang simpulan bahasa.
(37)*	Mereka menyemak semula jawapan yang diberikan.
(38)*	Guru mengemukakan tentang permohonan pertukaran tempat mengajar secara dalam talian.
(39)*	Kami membahagi kepada beberapa kumpulan untuk melakukan kerja itu.
(40)*	Saya membuat jadual untuk aktiviti yang akan saya laksanakan untuk mengelakkan daripada sebarang kesulitan.

### **Kesilapan Penulisan Frasa Kerja dengan Kata Ganti Nama Diri Pertama dan Kedua**

(41)*	Saya mempraktikkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang telah dibuat oleh saya.
(42)*	Kesempatan ini diambil oleh saya dengan baik.
(43)*	Beliau banyak memberikan input yang diperlukan oleh kami.
(44)*	Perkara yang dibincangkan oleh kami tertumpu pada pencapaian bahasa Melayu.
(45)*	Aktiviti pertama yang dilakukan oleh kami pada hari ini ialah aktiviti bergotong- royong.

### **Kesilapan Penulisan Frasa Kerja dengan Kata Ganti Nama Diri Ketiga**

(46)*	Saya tahu akan liku-liku hidup yang bakal seseorang guru lalui.
(47)*	Sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan pada hari tersebut berkaitan dengan pembetulan kertas ujian yang telah mereka duduki.
(48)*	Kami bertiga telah mengambil peluang ini untuk menjalankan aktiviti soal jawab yang telah mereka pelajari.
(49)*	Banyak perkara yang telah beliau kongsi tentang pengalaman dan cara-cara mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi.
(50)*	Segala ilmu dan tunjuk ajar yang beliau berikan dapat menjadi bekalan ilmu kepada kami.
(51)*	Banyak perkara yang mereka ingin cakapkan.

(52)*	Semua murid yang beliau ajar jelas begitu seronok.
(53)*	Saya menyuruh murid menanyakan maksud perkataan yang terdapat dalam petikan yang mereka kurang fahami.
(54)*	Pakaian yang mereka gunakan juga melambangkan identiti bangsa mereka.
(55)*	Kerjasama yang mereka berikan amat kami hargai.
(56)*	Terdapat tugas yang mereka perlu selesaikan.
(57)*	Saya menghargai pengorbanan yang telah mereka berikan kepada kami.
(58)*	Beliau sempat menerangkan sistem yang mereka gunakan.
(59)*	Guru-guru SK Merpati Jepang tidak menyiakan-siakan perkara yang mereka peroleh daripada seminar atau kursus yang mereka hadiri.
(60)*	Mereka melihat kesilapan yang mereka lakukan.
(61)*	Keadaan inilah yang akan guru pelatih tempuhi kelak.

### PERBINCANGAN DAPATAN

Setelah membaca kesemua teks yang ditulis oleh guru pelatih. Analisis ayat tentang binaan ayat aktif transitif dan frasa kerja dengan kata ganti nama diri orang pertama dan kedua serta ketiga telah dibuat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih kerap membuat kesilapan ketika membina ayat aktif transitif. Sebanyak 50 kesalahan telah dikenal pasti dengan puratanya setiap daripada mereka melakukan 2.63 kesalahan penggunaan ayat aktif transitif. Mereka tidak mematuhi binaan ayat aktif transitif dengan betul. Bagi frasa kerja dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua, penggunaannya pada tahap yang baik kerana secara puratanya, setiap guru pelatih akan melakukan 0.2 kesalahan. Bagi Frasa kerja dengan kata ganti nama diri ketiga, penguasaan mereka kurang memuaskan kerana sebanyak 20 kesalahan dicatatkan dengan purata kesalahan bagi setiap responden ialah 1.05.

Berkenaan dengan ayat aktif transitif, seperti yang diterangkan sebelum ini, ayat aktif transitif mengutamakan subjek asal sebagai judul, ayat aktif transitif mengandungi kata kerja transitif yang diikuti oleh frasa nama atau klausa komplemen sebagai objek atau unsur penyambutnya. Walau bagaimanapun, ayat aktif transitif yang bersifat ayat tunggal terbentuk hanya daripada ayat yang mengandungi frasa nama subjek asal sebagai judul dan frasa nama objek sebagai unsur penyambut kata kerjanya.

Dalam ayat majmuk pula, ayat aktif transitif mengandungi klausa komplemen sebagai penyambut kata kerjanya. Huraian ini menunjukkan bahawa objek atau penyambut kata kerja haruslah hadir sebaik-baik sahaja selepas kata kerja transitif. Unsur lain yang bukan objek tidak boleh hadir

selepas kata kerja transitif dalam ayat aktif. Menurut Nik Safiah Karim (2007), objek terdiri daripada kata nama atau frasa nama dan mesti hadir sesudah kata kerja untuk melengkapkan maksudnya. Kesilapan ini banyak dilakukan oleh guru pelatih. Mereka meletakkan frasa keterangan atau kata sendi nama selepas kata kerja transitif atau unsur-unsur lain yang bukan objek atau penyambut. Walau bagaimanapun kesalahan binaan ayat aktif transitif yang dilakukan oleh mereka dapat dibetulkan seperti dalam ayat yang bertanda (a) berikut:

(14a)	Pihak sekolah dapat <u>menerima</u> <b><i>sesiapa yang datang ke sekolah</i></b> dengan baik walaupun sibuk.
(15a)	Saya <u>meneruskan</u> <b><i>program</i></b> dengan aktiviti mengambil gambar.
(16a)	Saya <u>mengharapkan</u> <b><i>cara ini</i></b> akan lebih membuahkan hasil.
(17a)	Saya <u>merasakan</u> <b><i>perubahan dalam diri</i></b> .
(18a)	Saya telah <u>memilih</u> <b><i>sekolah tersebut</i></b> untuk menjalani PBS.
(19a)	Saya <u>memikirkan</u> <b><i>cara</i></b> untuk menyusun semua maklumat.
(20a)	Guru besar telah <u>menjangka</u> <b><i>kehadiran kami</i></b> .
(21a)	Penolong Kanan menjelaskan dan <u>menerangkan</u> <b><i>maklumat guru</i></b> .
(22a)	Saya telah <u>memfokuskan</u> <b><i>persekitaran bilik darjah</i></b> .
(23a)	Kami mahu <u>mengalami</u> <b><i>suasana</i></b> di dalam kelas sendiri.
(24a)	Sekolah tersebut banyak <u>memberikan</u> <b><i>pengalaman dan ilmu baharu</i></b> kepada saya.
(25a)	SK Kenyalang banyak <u>membantu</u> <b><i>kami</i></b> dari segi ilmu dan pengalaman.
(26a)	Kami berpeluang <u>melihat</u> <b><i>aktiviti pengajaran dan pembelajaran</i></b> daripada guru yang berpengalaman dengan sendiri.
(27a)	Kami datang ke sekolah untuk <u>meneruskan</u> <b><i>tugas kami</i></b> lagi.
(28a)	Guru <u>membimbing</u> <b><i>kami</i></b> dengan penuh dedikasi dan tegas.
(29a)	Beliau <u>menerangkan</u> <b><i>keadaan sekolah ini</i></b> dengan serba sedikit.
(30a)	Kami <u>menerima</u> <b><i>keputusan</i></b> dengan hati terbuka.
(31a)	Walaupun tanpa <u>melihat</u> <b><i>Rancangan Pengajaran Harian</i></b> , Puan Julia berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik.
(32a)	Saya telah menemu bual <b><i>beberapa orang guru</i></b> .
(33a)	Pokok-pokok kecil <u>mengindahkan</u> <b><i>pemandangan sekolah</i></b> lagi.
(34a)	Kami berjumpa dengan guru besar untuk <u>membincangkan</u> <b><i>tugasan yang perlu kami lakukan</i></b> .
(35a)	Penolong Kanan <u>menerangkan</u> <b><i>persiapan murid yang akan menduduki peperiksaan</i></b> .
(36a)	Guru <u>mengajar</u> <b><i>kami</i></b> tentang simpulan bahasa.
(37a)	Mereka <u>menyemak</u> <b><i>jawapan yang diberikan</i></b> semula.
(38a)	Guru <u>mengemukakan</u> <b><i>permohonan pertukaran tempat mengajar</i></b> secara dalam talian.
(39a)	Kami <u>membahagikan</u> <b><i>mereka</i></b> kepada kumpulan untuk melakukan

	kerja.
(40a)	Saya membuat jadual untuk aktiviti yang akan saya laksanakan untuk <u>mengelakkan <b>sebarang kesulitan</b></u> .

Bagi kesalahan frasa kerja pasif dengan kata ganti nama diri pertama dan kedua pula, kebanyakannya menggunakan imbuhan 'di-' pada kata kerja pasif yang mempunyai pelaku daripada kata ganti nama diri pertama dan kedua. Binaan ini merupakan kesalahan. Menurut Nik Safiah Karim (2007), Awalan 'di-' tidak boleh digunakan dengan ayat pasif bagi orang pertama dan kedua. Kesalahan yang dilakukan oleh guru pelatih tersebut dapat dibetulkan seperti berikut:

(41a)	Saya mempraktikkan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang <u>telah saya buat</u> .
(42a)	Kesempatan ini <u>saya ambil</u> dengan baik.
(43a)	Beliau banyak memberikan input yang <u>kami perlukan</u>
(44a)	Perkara yang <u>kami bincangkan</u> tertumpu pada pencapaian bahasa Melayu.
(45a)	Aktiviti pertama yang <u>kami lakukan</u> pada hari ini ialah aktiviti bergotong-royong.

Bagi ayat pasif yang menggunakan kata ganti nama diri ketiga atau pelaku ketiga. Jika kata kerja dalam ayat aktif menggunakan awalan 'meN-', maka kata kerja pasif pastilah menggunakan awalan 'di-'. Jika tidak, maka salahlah ayat pasif tersebut. Kesalahan ini juga ketara dalam penulisan guru pelatih. Mereka menyamakan cara penulisan ayat pasif bagi ketiga-tiga pelaku yang berbeza. Jadi mereka menggunakan cara penulisan ayat pasif dengan pelaku I dan II untuk ayat pasif yang menggunakan pelaku III. Jadi, kesalahan yang dilakukan oleh guru pelatih tersebut dapat dibetulkan seperti berikut:

(46a)	Saya tahu akan liku-liku hidup yang bakal <u>dilalui oleh seseorang guru</u> .
(47a)	Sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan pada hari tersebut berkaitan dengan pembetulan kertas ujian yang telah <u>diduduki oleh mereka</u> .
(48a)	Kami bertiga telah mengambil peluang ini untuk menjalankan aktiviti soal jawab yang telah <u>dipelajari oleh mereka</u> .
(49a)	Banyak perkara yang telah <u>dikongsikan oleh beliau</u> tentang pengalaman dan cara-cara mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi.
(50a)	Segala ilmu dan tunjuk ajar yang <u>diberikan oleh beliau</u> dapat menjadi bekalan ilmu kepada kami.
(51a)	Banyak perkara yang ingin <u>dicakapkan oleh mereka</u> .
(52a)	Semua murid yang <u>diajar oleh beliau</u> jelas begitu seronok.

(53a)	Saya menyuruh murid menanyakan maksud perkataan yang terdapat dalam petikan yang kurang <b><i>difahami oleh mereka.</i></b>
(54a)	Pakaian yang <b><i>digunakan mereka</i></b> juga melambangkan identiti bangsa mereka.
(55a)	Kerjasama yang <b><i>diberikan oleh mereka</i></b> amat kami hargai.
(56a)	Terdapat tugas yang perlu <b><i>diselesaikan oleh mereka.</i></b>
(57a)	Saya menghargai pengorbanan yang telah <b><i>diberikan oleh mereka</i></b> kepada kami.
(58a)	Beliau sempat menerangkan sistem yang <b><i>digunakan oleh mereka.</i></b>
(59a)	Guru-guru SK Merpati Jepang tidak menyiakan-siakan perkara yang mereka peroleh daripada seminar atau kursus yang <b><i>dihadiri oleh mereka.</i></b>
(60a)	Mereka melihat kesilapan yang <b><i>dilakukan oleh mereka.</i></b>
(61a)	Keadaan inilah yang akan <b><i>ditempuhi oleh guru pelatih</i></b> kelak.

Kesalahan penulisan ayat aktif transitif dan frasa kerja pasif dengan pelaku I, II, dan III berlaku kerana **pengaruh bahasa Inggeris**. Menurut Awang Sariyan (1996), Pengaruh Sintaksis Inggeris dalam aspek aktif dan pasif berkaitan dengan kekacauan penggunaan bentuk aktif dan pasif. Oleh sebab rumus sintaksis bahasa Inggeris tidak menandai bentuk aktif dengan sesuatu awalan sedangkan dalam bahasa Melayu, bentuk aktif umumnya ditandai awalan meN-.

Contoh: ***Kita akan jumpa*** banyak bukti lain.

Cara penulisan di atas memperlihatkan cara mengucapkan fikiran dalam bahasa Inggeris iaitu ' ***we will find***' untuk '***kita akan jumpa***'. Dalam bahasa Inggeris, kesemuanya dalam bentuk aktif belaka. Tetapi dalam bahasa Melayu, yang bercetak condong dan bergaris bukanlah bentuk aktif kerana tidak ditandai oleh awalan meN-, dan bukan pula bentuk pasif oleh sebab rumus tentang ikatan pelaku dengan kata kerja pasif tidak dipatuhi. Jadi yang sepatutnya ialah ' kita akan menjumpai...(aktif) , atau ' Akan kita jumpai...(pasif).

Seperti kesalahan penggunaan bahasa yang lain, kesalahan ini berlaku juga disebabkan oleh kelemahan ketatabahasa bermula daripada peringkat bawah. Menurut Abdul Hamid Mahmood (2002), banyak guru yang mengajar pelajar tingkatan 4, 5 dan 6 mengeluh apabila membicarakan masalah kelemahan tatabahasa pelajar. Mereka mengatakan bahawa masalah ini berpunca daripada sekolah rendah hingga sekolah menengah. Jadi tidak hairanlah jika masalah ini juga berlaku kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi (termasuk guru pelatih Institut Pendidikan Guru).

Abdul Hamid Mahmood (2002) juga mengatakan bahawa masalah ini timbul juga kerana anggapan bahasa Melayu mudah. Pelajar beranggapan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa ibunda mereka, jadi mereka mengetahuinya. Sebenarnya bahasa Melayu baku berbeza dengan dialek mereka.

Pengaruh media massa juga antara faktor kepada masalah ini berlaku. Media massa amat berpengaruh. Menurut Asiah Idris (2003), media massa mempunyai pengaruh yang kuat terhadap masyarakat. Oleh sebab itu media massa dapat menjadi wahana penyebaran penggunaan bahasa kebangsaan yang baik. Namun begitu, keadaan sebaliknya dikhuatiri sedang berlaku. Pelajar yang terdedah kepada pengaruh media massa juga terpengaruh oleh penggunaan bahasa Melayu media massa walaupun ada kalanya bahasa yang digunakan adalah salah. Contohnya ejaan 'selsema' yang diiklankan melalui televisyen adalah salah. Kesalahan ini akan mengelirukan pengguna bahasa.

Asiah Idris juga mengatakan bahawa lambakan majalah picisan di pasaran juga menyebabkan pembaca terpengaruh oleh bahasa yang digunakan. Bahan bacaan ini begitu menarik perhatian pembaca khususnya golongan pelajar. Jadi melalui majalah seperti ini, pelajar lebih mudah menerima cara penggunaan bahasanya. Hasil Kajian yang dilakukan beliau membuktikan pengaruh media massa terhadap penggunaan bahasa yang salah.

## **CADANGAN**

Kesalahan penggunaan bahasa ini haruslah diatasi semasa peringkat awal lagi. Guru-guru yang mengajar murid-murid tahun satu lagi sudah patut mengajarkan bahasa yang betul kepada kanak-kanak. Oleh itu guru sendiri haruslah melengkapkan diri dengan ilmu tatabahasa yang mencukupi dan terkini kerana bahasa Melayu bahasa yang dinamik. Kesungguhan ini juga perlu ada pada guru yang tidak mempunyai pengkhususan bahasa Melayu tetapi mengajar bahasa Melayu di sekolah.

Guru juga haruslah mempunyai inisiatif untuk mendapatkan maklumat berkaitan tatabahasa daripada pihak yang berwibawa khususnya majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang sememangnya diamanahkan untuk memartabatkan bahasa Melayu secara langsung. Majalah seperti Dewan Bahasa, Pelita Bahasa, Dewan Pelajar amat sesuai dibaca untuk meningkatkan penguasaan tatabahasa dalam diri masing-masing.

Pelbagai seminar, kursus, dan bengkel tatabahasa juga harus kerap diadakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri supaya guru-guru sekolah rendah dan menengah mempunyai peluang yang banyak untuk mendapatkan



maklumat terkini tentang perubahan semasa tatabahasa bahasa Melayu. Dengan ini mereka akan menjadi lebih yakin mengajarkan tatabahasa yang tepat kepada murid-murid mereka.

## PENUTUP

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa kesalahan penggunaan bahasa ini haruslah ditangani oleh sebuah pihak. Sebagai pengguna bahasa, kitalah yang seharusnya lebih bertanggungjawab menggunakan bahasa yang betul. Untuk memastikan penguasaan tatabahasa kita menjadi baik, setiap pengguna bahasa haruslah rajin membuat rujukan dan membaca buku yang berkualiti.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood, & Inderbir Kaur (1995). *Beberapa Kajian terhadap Kesalahan Bahasa, Jurnal Dewan Bahasa, Jld. 39, Bil. 6*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hamid Mahmood. (2002). *Guru dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Media Printext (M) Sdn. Bhd.
- Asiah Idris (2003), *Penyimpangan dalam Penggunaan Bahasa: Tidak Tahu atau Tidak Mengambil Tahu?* Dewan Bahasa: Disember 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1996). *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*, Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baskaran Nadeson. (2000). *Analisis Kesalahan Bahasa Dalam Karangan Murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil*, Jurnal Penyelidikan MPSAH, Sungai Petani, Kedah.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1995). *Gaya Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Goh O. S. (1991). *Pengajaran Tatabahasa KBSM: Masalah dan Pelaksanaan*, Jurnal Dewan Bahasa, 4-6, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Institut Perguruan Batu Lintang (2008). *Jurnal Penyelidikan 2008*. Kuching: Institut Perguruan Batu Lintang.
- Koh Boh Boon (1989). *Perspektif-prespektif dalam Pengajaran Bahasa Malaysia: Analisis Kesalahan Kesalahan Ejaan dan Tatabahasa Bahasa Melayu Yang Dilakukan oleh Sekumpulan Siswazah*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2007). *Liku-liku Bahasa*. Shah Alam: 'K' Publishing Sdn Bhd.

- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (1993). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Edisi Ketiga Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad. (2000), *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III Edisi Baharu*. Cetakan Pertama Edisi Kedua 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.